

KUALITI

JULAI - DISEMBER 2025

AUDIT PENSIJILAN SEMULA ISO 9001:2015

Skop Audit: Pengurusan Korporat Universiti Awam

MAJLIS KEMUNCAK BULAN INOVASI DAN KUALITI 2025

Ledakan Kreativiti

1ST VIRTUAL INTERNATIONAL CONFERENCE ON QUALITY AND INNOVATION IN HIGHER EDUCATION (ViQHE)

*Enhancing Quality and Innovation for a
Sustainable Higher Education Ecosystem*



eISSN 2976-2596



9772976259003

INSTITUT KUALITI DAN PENGEMBANGAN ILMU (InQKA)

SESI PENYELARASAN AUDIT PEMATUHAN IQA04 UiTM BERSAMA PENGURUS PENILAIAN IQA04

Disediakan oleh: Noor Azwani Asyikin Samad




SHAH ALAM, 7 Ogos 2025 – Taklimat dan penyelarasan penting mengenai audit pematuhan IQA04 telah diadakan bersama Pengurus Penilaian Universiti Teknologi MARA (UiTM). Sesi dalam talian ini bertujuan memastikan semua program memenuhi syarat bagi mengekalkan status swaakreditasi UiTM yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Taklimat ini disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Hadijah Ibrahima, Ketua Kualiti Akademik dan Pematuhan, Unit Jaminan Kualiti Akademik (InQKA). Beliau menekankan bahawa semua program yang sedang atau masih belum melengkapkan proses audit IQA04 perlu menyelesaikannya selewat-lewatnya pada 15 Ogos 2025.

Sehingga kemaskini pada 21 Mei 2025, laporan menunjukkan bahawa daripada 527 lokasi program yang perlu dinilai, 398 daripadanya telah selesai diaudit. Sebanyak 43 lokasi program sedang dinilai, manakala 93 lagi masih belum selesai. Penilaian yang telah selesai bagi program Sarjana dan Diploma adalah penilaian kali kedua.

Dalam sesi ini, peranan Pengurus Penilaian ditekankan sebagai Ketua Sekretariat yang kritikal dalam memastikan kelancaran proses audit. Mereka bertanggungjawab memastikan semua dokumen lengkap mengikut keperluan MQA dan COPPA, serta bertindak sebagai penghubung utama antara InQKA dan PTj. Selain itu, mereka perlu merekod dan memantau proses semakan oleh panel penilai serta memastikan hasil penilaian adalah lengkap dan jelas.



HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

2026 KUALITI

ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Kompleks Al-Farabi,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam, Selangor

e-ISSN: 2976-2596



UiTM *di hati*  لومها تقوى موليا